



30 Mac 2026  
30 March 2026  
P.U. (A) 142

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERATURAN-PERATURAN KAWALAN BEKALAN (LARANGAN PENJUALAN DAN PEMBELIAN BARANG KAWALAN) (PETROL RON 95) 2026

### *CONTROL OF SUPPLIES (PROHIBITION OF SALE AND PURCHASE OF CONTROLLED ARTICLE) (RON 95 PETROL) REGULATIONS 2026*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA KAWALAN BEKALAN 1961

PERATURAN-PERATURAN KAWALAN BEKALAN (LARANGAN PENJUALAN DAN PEMBELIAN BARANG KAWALAN) (PETROL RON 95) 2026

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 6(2)(a), (c) dan (n) Akta Kawalan Bekalan 1961 [*Akta 122*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (Larangan Penjualan dan Pembelian Barang Kawalan) (Petrol RON 95) 2026**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 April 2026.

**Tafsiran**

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“kenderaan motor asing” ertinya suatu kenderaan motor yang didaftarkan oleh pihak berkuasa yang sepatutnya di suatu negara asing;

“petrol RON 95” ertinya produk yang diperolehi daripada petroleum dalam bentuk minyak dengan nombor oktana penyelidikan 95.

**Larangan penjualan petrol RON 95**

3. (1) Tiada seorang pun boleh menjual petrol RON 95 kepada mana-mana orang bagi kegunaan kenderaan motor asing tanpa kebenaran bertulis Pengawal.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan.

**Larangan pembelian petrol RON 95**

4. (1) Tertakluk kepada subperaturan (2), tiada seorang pun boleh membeli petrol RON 95 bagi kegunaan kenderaan motor asing tanpa kebenaran bertulis Pengawal.

(2) Subperaturan (1) tidak terpakai bagi pembelian petrol RON 95 di tempat yang dinyatakan dalam Jadual, dengan syarat bahawa—

(a) petrol RON 95 yang dibeli daripada tempat tersebut tidak boleh diangkut bagi apa-apa urusan niaga selanjutnya yang lain; dan

(b) petrol RON 95 itu hendaklah dibeli dalam harga pasaran.

(3) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan.

**Permohonan bagi kebenaran bertulis**

5. (1) Permohonan bagi kebenaran bertulis untuk menjual atau membeli petrol RON 95 bagi kegunaan kenderaan motor asing hendaklah dibuat kepada Pengawal mengikut cara yang ditentukan oleh Pengawal.

(2) Pengawal boleh memberi kebenaran bertulis tertakluk kepada syarat yang difikirkannya patut untuk mengelakkan penyalahgunaan kebenaran bertulis.

(3) Pengawal boleh, pada bila-bila masa selepas pemberian kebenaran bertulis, menambah, memotong atau mengubah syarat yang baginya kebenaran bertulis itu tertakluk.

(4) Pengawal boleh membatalkan suatu kebenaran bertulis pada bila-bila masa jika orang yang kepadanya kebenaran bertulis itu diberi melanggar syarat kebenaran bertulis itu.

JADUAL

(1)	(2)
Bil.	Tempat
1.	Semua stesen minyak di Wilayah Persekutuan Labuan
2.	Semua stesen minyak di Pulau Langkawi, Kedah
3.	Stesen minyak Double Endorse Sdn. Bhd. yang terletak di—  (a) Lot 37 & 38, Kawasan Perindustrian Kampung Kolam, Padang Besar Utara, 02100 Padang Besar, Perlis; dan  (b) Lot 54 & 55, Kawasan Perindustrian Bukit Kayu Hitam, 06050 Bukit Kayu Hitam, Kedah
4.	Stesen minyak Raflesia YNWN Development Sdn. Bhd. yang terletak di Lot 9141, GM 975, Mukim Titi Tinggi, Kampung Wang Kelian, 02200 Kaki Bukit, Perlis
5.	Stesen minyak An Marketing Trading Sdn. Bhd. yang terletak di Lot 4019, Bandar Bukit Kayu Hitam, 06050 Bukit Kayu Hitam, Kedah

Dibuat 27 Mac 2026  
[KPDN.600-9/3/12(25); PN(PU2)188/JLD.14]

DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI  
*Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup*

CONTROL OF SUPPLIES ACT 1961

CONTROL OF SUPPLIES (PROHIBITION OF SALE AND  
PURCHASE OF CONTROLLED ARTICLE) (RON 95 PETROL) REGULATIONS 2026

IN exercise of the powers conferred by paragraphs 6(2)(a), (c) and (n) of the Control of Supplies Act 1961 [Act 122], the Minister makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Control of Supplies (Prohibition of Sale and Purchase of Controlled Article) (RON 95 Petrol) Regulations 2026**.

(2) These Regulations come into operation on 1 April 2026.

**Interpretation**

2. In these Regulations—

“foreign motor vehicle” means a motor vehicle which is registered by the proper authority of a foreign country;

“RON 95 petrol” means a product derived from petroleum in the form of oil with a research octane number of 95.

**Prohibition of sale of RON 95 petrol**

3. (1) No person shall sell RON 95 petrol to any person for use in a foreign motor vehicle without the written permission of the Controller.

(2) Any person who contravenes subregulation (1) commits an offence.

**Prohibition of purchase of RON 95 Petrol**

4. (1) Subject to subregulation (2), no person shall purchase RON 95 petrol for use in a foreign motor vehicle without the written permission of the Controller.

(2) Subregulation (1) shall not apply to the purchase of RON 95 petrol at the places as specified in the Schedule, provided that—

(a) the RON 95 petrol purchased from those places shall not be transported for any further dealings; and

(b) the RON 95 petrol is purchased at the market price.

(3) Any person who contravenes this regulation commits an offence.

**Application for written permission**

5. (1) An application for a written permission to sell or purchase RON 95 petrol for use in a foreign motor vehicle shall be made to the Controller in the manner as may be determined by the Controller.

(2) The Controller may grant a written permission subject to such condition as he thinks fit to prevent the misuse of the written permission.

(3) The Controller may, at any time after the grant of written permission, add to, delete or vary the condition to which the written permission is subject.

(4) The Controller may revoke a written permission at any time if the person to whom the written permission is granted contravenes the condition of the written permission.

SCHEDULE

- | (1) | (2)   |
|-----|---|
| No. | Place   |
| 1.  | All petrol stations in the Federal Territory of Labuan  |
| 2.  | All petrol stations on Langkawi Island, Kedah   |
| 3.  | Petrol stations of Double Endorse Sdn. Bhd. situated at—<br><br>(a) Lot 37 & 38, Kawasan Perindustrian Kampung Kolam, Padang Besar Utara, 02100 Padang Besar, Perlis; and<br><br>(b) Lot 54 & 55, Kawasan Perindustrian Bukit Kayu Hitam, 06050 Bukit Kayu Hitam, Kedah |
| 4.  | Petrol station of Raflesia YNWN Development Sdn. Bhd. situated at Lot 9141, GM 975, Mukim Titi Tinggi, Kampung Wang Kelian, 02200 Kaki Bukit, Perlis  |
| 5.  | Petrol station of An Marketing Trading Sdn. Bhd. situated at Lot 4019, Bandar Bukit Kayu Hitam, 06050 Bukit Kayu Hitam, Kedah   |

Made 27 March 2026  
[KPDN.600-9/3/12(25); PN(PU2)188/JLD.14]

DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI  
*Minister of Domestic Trade and Cost of Living*